



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 20 MAC 2024 (KHAMIS)

MEDIA CETAK (AKHBAR / MAJALAH)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• HARI RAYA CLOSURES

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	SINAR HARIAN	DBKL	• TINDAKAN PADAM MURAL UNTUK SELARASKAN STANDARD - DBKL
2.	THE STAR	DBKL	• DBKL SURVEY • NO GRAFFITI PLEASE, DBKL WARNS ARTISTS
3.	THE STAR	MBDK	• MBDK : MORE KLANG HOMES FOUND BREEDING MOSQUITO
4.	THE STAR	MBPJ	• KEEPING IT CLEAN, SUSTAINABLE AT RAMADAN BAZAARS • MBPJ SHARES FESTIVE JOY WITH UNDERPRIVILEGED
5.	THE STAR	MBSA	• MBSA SPONSORS FESTIVE SHOPPING TRIP FOR UNDERPRIVILEGED CHILDREN

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• SILEGX INVESTMENT SCAM INVOLVING RM41.5MIL UNDER PROBE • SHUN VIOLENT ACTS, UPHOLD RESPECT, URGES ANWAR • CONTENT IS KING IN GEN Z TRAVEL TRENDS
2.	KOSMO	• LIMA KENA DENDA RM3,000 SEORANG JUAL SIJIL KELAHIRAN • ORANG MELAYU TIDAKAN AKAN HILANG TEMPAT DI BANDAR • MALAYSIA RUGI RM933.4 JUTA AKIBAT BANJIR TAHUN LALU • RM140,000 MELAYANG DITIPU 'POLIS'
3.	HARIAN METRO	• LELAKI RUGI RM500K TERTIPU SKIM PELABURAN SAHAM DI TIKTOK • MAJIKAN LEBIH CENDERUNG AMBIL BAKAT TEMPATAN • JUMLAH KERUGIAN AKIBAT BANJIR 2024 CECAH RM933.4J • PENGURUS KERUGIAN RM766,788 AKIBAT PELABURAN EMAS TIDAK WUJUD
4.	BERITA HARIAN	• CARUMAN KWSPPEKERJA ASING BERI MANFAAT EKONOMI NEGARA • 15 PESARA TERPEDAYA SKIM SILEGX • LAHIRKAN TENAGA KERJA TEMPATAN LEBIH MAMPAN GANTI PEKERJA ASING • HENTI NORMALISASI 'LETAK SEKEJAP' DI PETAK OKU • PERPUSTAKAAN PERLU SEDIA RUANG, AKTIVITI TINGKAT KESIHATAN MENTAL
5.	UTUSAN MALAYSIA	• KETUA YANG BAIK DAPAT MENGHIMPUNKAN KAKITANGANNYA • WARGA EMAS DIDAKWA MINTA RM20,000 BANTU SELESAI KES POLIS • MINTA SUAPAN GELANG EMAS, SARJAN POLIS MENGAKU TIDAK BERSALAH
6.	NEW STRAITS TIMES	• EPF FOR FOREIGNERS A BOON FOR ECONOMY • RM41M LOST TO MAKE FAKE INVESTMENT SCHEME
7.	THE SUN	• CONCERNS OVER PROPOSED REDEVELOPMENT PROJECTS • MOUNTING BAZAAR WASTE TRIGGERS ENVIRONMENTAL RISKS • EPF MOVE FOR FOREIGN WORKERS EXPECTED TO BENEFIT ECONOMY

Tindakan padam mural untuk selaraskan standard - DBKL

SH 20/3

KUALA LUMPUR - Tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memadam lukisan mural di beberapa hentian bas dan kios mencetuskan pelbagai reaksi dalam kalangan masyarakat.

Menurut kenyataan dikeluarkan DBKL, langkah itu diambil sebagai sebahagian usaha mengindahkan 21 hentian bas dan kios menjelang Mesyuarat Kepengerusian ASEAN 2025.

"Setakat ini sebanyak 18 hentian bas diselenggara dengan kerja mengecat dan membaik pulih bagi meningkatkan keselesaan pengguna.

"Semua hentian bas dan kios dicat dengan warna kelabu gelap selaras dengan standard DBKL," menurut kenyataan itu pada Rabu.

Mengulas lanjut, DBKL turut menjelaskan mural dilukis tanpa kebenaran rasmi menyebabkan pihaknya terpaksa memadam lukisan tersebut mengikut prosedur penyelenggaraan ditetapkan.

SINAR HARIAN

Tarikh:20 MAR 2025.....

Ketua yang baik dapat menghimpunkan kakitangannya

NYALA
RASA

Oleh
Mohd. Azam Ahmad



PADA suatu petang, terlihat seekor ibu ayam bersama-sama dengan anaknya dalam sebuah reban. Anak-anak ayam itu baru dua hari menetas. Anak-anak ayam itu sedang berkeliaran di sisi ibunya. Bagaimanapun, ibu ayam sentiasa menarik anak-anaknya dengan paruh untuk dihipunkan di bawah perutnya.

Tindakan itu untuk menghangatkan anak-anaknya agar tubuh menjadi segar dan kuat. Di hujung reban pula, terlihat pokok-pokok buluh dengan anak-anak pokok buluh dan rebung tumbuh rapat-rapat di sekeliling pokok buluh yang lebih besar. Di sebelah rumpun buluh itu, terlihat rumpun serai yang tumbuh merimbun dalam rumpun dan padat antara satu sama lain.

Kejadian pada kehidupan ayam, buluh dan serai memberikan pengajaran berharga kepada manusia, iaitu kehidupan ini semestinya berada dalam satu himpunan yang padu. Sementara itu, induk atau ketua pula menjadi paksi untuk anak-anak, anak buah, ahli atau seumpamanya untuk berhimpunan atau berkumpul.

Gambaran kehidupan ayam, buluh dan serai menyinggung kebijaksanaan manusia. Sesungguhnya, seorang ketua itu mempunyai peranan besar untuk menghimpun ahli atau anak buah dalam kumpulan



Andai ketua itu pula gagal menghimpunkan anak buah atau ahlinya dalam satu pasukan dengan semangat ultrisme, nescaya ketua itu akan sukar melaksanakan strategi untuk kemajuan."

yang padu, juga disebutkan sebagai jemaah.

Hal ini jelas disebutkan dalam hadis Nabi Muhammad SAW yang bermaksud: "Wajiblah kamu bersama-sama dengan jemaah dan berwaspadalah kamu terhadap perpecahan" (HR: at-Tirmidzi).

Sehubungan dengan ini, seorang ketua hendaklah mempunyai kewibawaan tinggi bagi memastikan anak buah dapat bersama-sama dalam kumpulan yang diterajui. Kejayaan menghimpunkan anak buah dalam kumpulan atau jemaah akan membawa kekuatan. Jika tidak, akan berlaku perpecahan yang akan mengundang pelbagai konflik sehingga boleh menggugat kemajuan dan kejayaan.

Kewibawaan ilmu dan pengalaman menjadi asas bagi seorang ketua itu dilihat berupaya memimpin. Bagaimanapun, seorang ketua

itu mesti tahu anak buahnya bukannya tidak berilmu dan berpengalaman.

Sehubungan dengan ini, seorang ketua itu hendaklah mengambil sikap sederhana dalam memimpin agar anak buah gembira untuk berada dalam kumpulan atau jemaah.

Justeru, sikap ketua itu hendaklah umpama padi, 'makin berisi, makin merunduk'. Sikap ketua sebegini amat penting dalam membina keserasian dengan anak buah. Malah, ketua itu dapat bersama-sama dengan anak buah untuk bersedia berkongsi, belajar ilmu, pengetahuan dan pengalaman yang dimiliki dalam kumpulannya.

Sikap ketua yang sedia berkongsi dan belajar itu akan meningkatkan karisma diri, apatah lagi jika menghindari sifat ego dan sombong. Ketua juga hendaklah menghindari sikap sebagai seorang yang serba tahu atau tahu semua hal. Sebaliknya, ketua itu hendaklah sentiasa bersedia mendengar dengan baik dan menampilkan sikap rasa ingin tahu.

Lantaran itu, anak buah akan berasa lebih selesa serta bersedia untuk berkongsi pandangan dan idea. Kepelbagaian ilmu, pengetahuan serta pengalaman tidak patut dilihat sebagai ancaman tetapi keistimewaan dan kekuatan kumpulan sekali gus membantu membuat keputusan, tindakan yang tepat lagi bersifat inklusif.

Seorang ketua tidak mampu untuk meneladani satu persatu urusan dan tugas yang ada. Ketua juga tidak cukup dengan tenaganya untuk menyantuni

setiap anak buah yang datang dengan pelbagai isu. Oleh itu, keupayaan seorang ketua menghimpunkan tenaga dalam kalangan anak buah amat penting. Ini kerana tenaga mereka dapat 'dieksploitasi' bagi memastikan setiap urusan mahupun tugas dilaksanakan dengan baik seperti yang dirancang.

Nilai dalam diri yang positif seperti patriotisme, kesungguhan, keinsafan dan kesabaran terhadap amanah akan membakar nyala rasa setiap anak buah terhadap iltizam dan komitmen pada amanah. Ini amat penting kerana anak buah bukan sekadar tahu akan amanah tetapi mengimani amanah itu. Mereka sedar mengkhianati amanah itu dosa. Mereka sedar amanah itu lebih besar daripada jawatan dan pangkat.

Keupayaan ketua menghimpunkan tenaga fizikal dan yang lahir daripada nilai dalam diri anak buah membolehkan mereka fokus tanggungjawab perancangan. Ketua itu akan mempunyai kesempatan untuk merencana dasar dan polisi yang terbaik bagi memastikan setiap urusan dan tugas membawa kemajuan dapat digerakkan. Malah, urusan dan tugas yang dirancang dapat dikomunikasikan dengan jelas kepada anak buah untuk membina kefahaman yang jitu. Hal ini akan menjadikan dasar dan polisi ketua itu sebagai nilai yang dikongsi bersama-sama selain mempengaruhi gaya bekerja yang konstruktif.

Apabila menghimpunkan tenaga dalam kalangan anak buah, seorang ketua itu tidak boleh bersikap menyendiri. Ketua itu mesti berani

berhadapan dengan anak buah bagi menyatakan cabaran, kelemahan dan ancaman yang ada dalam organisasi.

Kesediaan ketua menerima dan berkongsi kerentanan dalam kepemimpinannya akan mendorong anak buah untuk bersedia mencurahkan tenaga juga kesungguhan untuk bersama-sama memikul tanggungjawab dan amanah. Dalam hal ini, ketua itu perlu sentiasa berjanji muka dan ramah-tamah dengan anak buah bagi merapatkan serta membina keserasian.

SEIRING, SEJALAN

Bagi memastikan setiap organisasi itu mampu bergerak dengan baik, setiap anak buah atau ahlinya mesti dapat dihipunkan sebagai satu jemaah. Sekiranya, ketua itu mampu membawa setiap anak buah atau ahlinya dalam sebuah pasukan dan setiap ahli kumpulan itu pula setia, sekata serta melangkah seadegap, nescaya semua kelebihan yang ada akan membawa kekuatan yang luar biasa.

Andai ketua itu pula gagal untuk menghimpunkan anak buah atau ahlinya dalam satu pasukan dengan semangat ultrisme, nescaya ketua itu akan sukar melaksanakan strategi untuk kemajuan.

Hal ini kerana keistimewaan yang ada pada ketua dan anak buah itu sukar untuk dimanfaatkan disebabkan pasukan tersebut tidak memiliki kesetiakawanan dan kesatuan yang rapuh kerana bibit perpecahan.

DR. Mohd. Azam Ahmad ialah Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Sektor Pembangunan Profesionalisme).

SEORANG pemimpin yang baik akan berjaya mengumpulkan kakitangannya serta berkongsi matlamat sama. - GAMBAR HIASAN



Warga emas didakwa minta RM20,000 bantu selesai kes polis

UM
20/3

JOHOR BAHRU: Seorang warga emas didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan meminta rasuah berjumlah RM20,000 daripada seorang lelaki dengan mendakwa mampu menyelesaikan kes polis milik mangsa, dua tahun lalu.

Bagaimanapun, Lui Hoh Yew, 67, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Hoh Yew yang tidak bekerja didakwa menipu seorang lelaki dengan meminta rasuah RM20,000 bagi menyelesaikan kes polis melibatkan mangsa yang berdepan dakwaan di bawah Seksyen 29AA(1) Akta Pemberi Pinjaman Wang 1951 di rumah kediaman mangsa di Taman Mutiara Rini, Skudai antara pukul 11 malam hingga 12 tengah malam, 8 Mei 2023.

Dia didakwa di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang satu tahun dan tidak lebih 10 tahun dengan sebat dan boleh dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan kes dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Alice Voon Mei Ling.

Peguam bela tertuduh, K. Bharathi memberitahu mahkamah, tertuduh dan isterinya tidak bekerja dengan wang belanja harian mereka diberi oleh anak pasangan itu yang berusia 35 tahun.

"Tertuduh juga mempunyai penyakit darah tinggi dan kolesterol," katanya sambil memberitahu tertuduh hanya mampu membayar jaminan berjumlah RM7,000.

Mahkamah kemudian menetapkan jamin sebanyak RM10,000 dengan seorang penjamin warga tempatan dan menetapkan 22 April depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

Minta suapan gelang emas, sarjan polis mengaku tidak bersalah

UM
20/3

KUANTAN: Seorang anggota polis berpangkat sarjan mengaku tidak bersalah atas pertuduhan meminta suapan seutas gelang emas daripada seorang wanita sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan undang-undang berkaitan kes pukul, dua tahun lalu.

Mohd. Khairi Aswadi Mohamad, 46, membuat penga-

kuan terbabit di hadapan Hakim, Sazlina Safie ketika dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Mengikut kertas pertuduhan, Mohd. Khairi Aswadi didakwa meminta suapan itu daripada seorang wanita berusia 39 tahun di sebuah premis makanan segera di Taman Chengal, Temerloh, sekitar

pukul 2 petang pada 15 April 2023.

Suapan tersebut didakwa sebagai dorongan agar tidak mengambil tindakan ke atas wanita berkenaan yang disiasat berkaitan kes pukul. Berikutan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

(Akta 694) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 20 MAR 2025.....

Lelaki rugi RM500K tertipu skim pelaburan saham di TikTok

Johor Bahru: Seorang lelaki kerugian lebih RM500,000 selepas mendakwa menjadi mangsa penipuan skim pelaburan saham tidak wujud dipromosikan di aplikasi TikTok.

Mangsa berusia 49 tahun mendakwa tertarik dengan iklan yang dilihat pada Oktober 2023 sebelum berhubung dengan seorang individu dikenali sebagai Alicia Goh melalui aplikasi WhatsApp.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Utara Asisten Komisioner Balveer Singh Mahindar Singh berkata,



HM
20/3

Teruja dengan paparan keuntungan berjumlah lebih \$AS1.1 juta, mangsa melakukan 10 transaksi ke lima akaun bank

Balveer Singh

mangsa kemudian dimasukkan ke dalam kumpulan WhatsApp dan diminta memuat turun satu aplikasi untuk melihat keun-

tungan pelaburan.

"Teruja dengan paparan keuntungan berjumlah lebih \$AS1.1 juta, mangsa melakukan 10 transaksi ke lima akaun bank antara 8 November tahun lalu hingga 3 Januari lalu dengan jumlah keseluruhan modal RM539,647.

"Namun, ketika cuba mengeluarkan keuntungan, mangsa diminta membuat bayaran tambahan sekali gus menyedari ditipu lalu membuat laporan polis, semalam (kemarin)," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Caruman wajib Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk pekerja asing akan memberi manfaat kepada ekonomi Malaysia dalam jangka panjang berikutan majikan akan lebih cenderung untuk menggaji lebih ramai bakat tempatan apabila kos meningkat.

Walaupun kos operasi akan menjadi lebih tinggi, ia memberikan manfaat untuk memupuk amalan perniagaan mampan dalam kalangan industri tempatan.

Presiden Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) Datuk Syed Hussain Syed Husman berkata, industri seperti pembuatan, pembinaan dan perlombongan yang banyak bergantung kepada pekerja asing, dijangka meneroka alternatif seperti automasi dan memberikan lebih banyak tumpuan kepada bakat tempatan.

"Kos tambahan ini akan memberi kesan kepada daya saing (dan) sebahagian perniagaan akan melepaskan kos ini kepada pengguna. Jika tidak, mereka akan menghadapi margin keuntungan yang lebih terhad dalam keadaan margin yang sedia kecil," katanya kepada Bernama menerusi temu bual, semalam.

Sehubungan itu, beliau menegaskan bahawa pelaksanaan kadar caruman KWSP oleh kerajaan adalah peluang untuk majikan menggaji lebih banyak bakat tempatan memandangkan kos membayar gaji pekerja asing yang semakin meningkat.

Sektor swasta menyambut baik kadar caruman KWSP sebanyak dua peratus oleh majikan dan pekerja asing bermula Mac tahun ini memandangkan ia antara lain akan menambah baik pengkalan pekerja dan meningkatkan kesetiaan.

Syed Hussain berkata, majikan perlu mengemaskini sistem senarai gaji dan



PELAKSANAAN kadar caruman KWSP oleh kerajaan adalah peluang untuk majikan menggaji lebih banyak bakat tempatan.

CARUMAN WAJIB KWSP UNTUK PEKERJA ASING

MAJIKAN LEBIH CENDERUNG AMBIL BAKAT TEMPATAN

memastikan pematuhan terhadap peraturan KWSP, yang mungkin menambah situasi yang kompleks dalam pentadbiran terutama bagi syarikat yang menggaji sejumlah besar pekerja asing.

Beliau berkata, isu pekerja tempatan yang enggan berkhidmat dalam pekerjaan tertentu perlu diselesaikan segera bagi menangani kekurangan tenaga buruh.

Beliau mencadangkan agar majikan menambah baik dan menyediakan program latihan untuk pe-

kerja tempatan dalam industri yang banyak bergantung kepada buruh asing dan dalam proses meningkatkan kebolehpasaran mereka.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif FGV Holdings Bhd (FGV) Fakhrunniam Othman berkata, sumbangan dua peratus adalah tanggungjawab majikan untuk meningkatkan kesejahteraan tenaga kerja di samping memastikan layanan

yang adil dan beretika kepada semua pekerja sama ada pekerja tempatan mahupun migran.

Beliau berkata, walaupun langkah ini akan meningkatkan kos operasi, FGV yang menggaji sejumlah besar pekerja asing terutamanya dalam sektor perladangan komited untuk mematuhi peraturan kerajaan dan akan mengambil langkah proaktif untuk memastikan peralihan yang

lancar.

"Kami melihatnya sebagai antara komitmen meluas untuk memupuk amalan perniagaan yang mampan, memperkukuh dedikasi kami terhadap daya tahan industri jangka panjang," katanya.

Penganalisis berkata, pendekatan Malaysia seiring dengan beberapa negara yang mempunyai sistem pencen wajib dan skim simpanan wajib bagi menyokong simpanan persaraan pekerja asing seperti Kanada, Jepun, Singapura dan Hong Kong.

Pendekatan Malaysia seiring dengan beberapa negara lain

Jumlah kerugian akibat ^{HM} banjir 2024 cecah RM933.4j

Kuala Lumpur: Jumlah keseluruhan kerugian akibat banjir pada 2024 dianggarkan RM933.4 juta, meningkat daripada RM755.4 juta pada 2023, bersamaan 0.05 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) nominal berbanding 0.04 peratus pada tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan Malaysia Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin (*gambar*) berkata, kerugian terbesar dicatatkan dalam sektor kediaman, meningkat RM372.2 juta berbanding RM168.3 juta pada 2023, diikuti aset awam dan infrastruktur RM303.4 juta berbanding RM380.7 juta pada 2023.

"Kerugian dalam sektor pertanian turut meningkat kepada RM185.2 juta berbanding RM120.6 juta pada 2023 manakala premis perniagaan mencatatkan kerugian RM54.1 juta berbanding RM53.2 juta pada tahun sebelumnya.

"Bagi kerosakan kenderaan, ia mencatatkan kerugian RM17.3 juta berbanding RM22.3 juta pada 2023, manakala sektor pembuatan merekodkan kerugian paling kecil, iaitu RM1.2 juta berbanding RM10.3 juta



pada 2023," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mohd Uzir berkata, dari segi tempat kediaman, Kelantan mencatatkan kerugian terbesar iaitu RM139 juta, diikuti Terengganu RM103.1 juta dan Kedah RM54 juta.

"Di Kelantan, daerah paling terjejas ialah Pasir Mas dengan kerugian RM46.2 juta diikuti Tumpat RM31.7 juta dan Kota Bharu RM19.2 juta manakala di Terengganu, Besut merekodkan kerugian tertinggi bagi tempat kediaman berjumlah RM38.4 juta, diikuti Setiu RM16.1 juta dan Kemaman RM14.2 juta.

"Di Kedah, Kota Setar dan Kubang Pasu mencatatkan kerugian tertinggi, masing-masing RM22 juta dan RM9.4 ju-

ta, diikuti Baling dengan RM6.9 juta," katanya.

Katanya, Kelantan menanggung kerugian premis perniagaan terbesar berjumlah RM27.1 juta, diikuti Terengganu RM16.4 juta dan Kedah RM4.3 juta.

"Di Kelantan, Pasir Mas dan Kota Bharu mengalami impak kewangan paling ketara, masing-masing dengan kerugian RM9.8 juta, sementara Tumpat mencatatkan kerugian RM5 juta manakala di Terengganu, Besut merekodkan kerugian tertinggi RM6.4 juta, diikuti Setiu RM2.9 juta dan Dungun RM1.9 juta.

"Di Kedah, Kota Setar merekodkan kerugian tertinggi sebanyak RM2.8 juta, diikuti Baling dan Pokok Sena, masing-masing RM0.8 juta dan RM0.4 juta," katanya.

Beliau berkata, Terengganu mencatatkan kerugian kerosakan kenderaan tertinggi berjumlah RM5.8 juta diikuti Kelantan RM4 juta dan Kedah RM2.1 juta dengan daerah paling terjejas ialah Besut RM1.4 juta, diikuti Kemaman RM1 juta dan Dungun RM0.8 juta.

Pengurus kerugian RM766,788 ^{HM 2013} akibat pelaburan emas tak wujud

Kuantan: Seorang pengurus syarikat di daerah ini kerugian RM766,788 selepas terpedaya dengan pelaburan emas tidak wujud secara dalam talian.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Yahaya Othman, berkata berdasarkan laporan diterima kelmarin, lelaki berusia 34 tahun berkenalan dengan seorang wanita di Facebook menggunakan nama 'Celeste Yee' pada 6 Februari lalu.

Katanya, mangsa kemudian ditawarkan untuk menyertai pelaburan emas

melalui satu laman sesawang yang diberikan suspek dengan menjanjikan keuntungan dalam tempoh singkat.

"Pada peringkat awal, mangsa melabur RM5,000 dan menerima pulangan berjumlah RM5,700. Dalam tempoh 12 Februari hingga 16 Mac lalu, mangsa melakukan 37 transaksi kepada lima akaun bank berbeza berjumlah RM766,788 tetapi gagal mengeluarkan modal serta keuntungan yang dijanjikan.

"Siasatan mendapati sumber kewangan dari-

pada wang simpanan mangsa, pinjaman daripada ibu dan bank. Kes terbabit disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya dalam kenyataan semalam.

Susulan kes itu, Yahaya menasihati orang ramai supaya lebih berhati-hati dengan tawaran pelaburan yang menjanjikan pulangan luar biasa.

"Sebaiknya, orang ramai menyemak kesahihan mana-mana syarikat pelaburan melalui pihak berkuasa berkaitan sebelum membuat pelaburan," katanya.

Lima kena denda RM3,000 seorang jual sijil kelahiran ^{KOSMO 20/3}

PUTRAJAYA – Lima individu masing-masing didenda RM3,000 oleh Mahkamah Majistret di sini, kerana mengemukakan maklumat palsu ketika membuat pendaftaran kelahiran lima bayi di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Putrajaya.

Tertuduh, Tan Eek Ming, 44, dua ahli perniagaan iaitu Leong Hon Ming, 52, dan Khor Wooli Huat, 48, serta dua suri rumah iaitu Beh Chui See, 31, dan R. Nishanthi, 37, mengaku bersalah sebaik pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin.

Mahkamah turut memerintahkan semua tertuduh dipenjara tiga bulan jika gagal membayar denda. Semua tertuduh membayar denda itu.

Mengikut pertuduhan, mereka didakwa mengemukakan maklumat palsu semasa membuat Permohonan Pendaftaran Kelahiran menggunakan Borang Daftar Kelahiran.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Kaunter Bahagian Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat JPN di sini, pada pukul 8 pagi hingga 5 petang antara 26 Mei 2023 hingga 11 Oktober 2024.

Mengikut fakta kes, pegawai pendaftaran selaku pengadu bersama sepasukan anggota penguatkuasa JPN Putrajaya menahan semua tertuduh di depan pintu masuk utama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



PIHAK berkuasa membawa lima tertuduh yang didenda RM3,000 seorang selepas mengaku bersalah terlibat dalam kes menjual sijil kelahiran dengan memasukkan maklumat palsu di Mahkamah Majistret Putrajaya semalam.

(SPRM) Shah Alam pada pukul 1.30 tengah hari 16 Mac lalu.

Hasil siasatan mendapati, semua tertuduh mengemukakan maklumat palsu semasa membuat permohonan kelahiran atas

nama lima bayi sehingga terkeluar sijil lahir dengan nombor daftar.

Sebelum ini, *Kosmo!* melaporkan pegawai perubatan bergelar Datuk Seri antara 16 individu ditahan SPRM kerana disyaki

terbabit sindiket pendaftaran lewat kelahiran bertaraf bukan warganegara kepada warganegara selain pendaftaran kelahiran menggunakan dokumen sokongan palsu.

Difahamkan jumlah bayaran rasuah yang diterima adalah antara RM2,000 hingga RM6,000 bagi setiap kes.

Kesemuanya ditahan di sekitar Lembah Klang dan Johor.

KOSMO

20 MAR 2025

Tarikh:

Orang Melayu tidak akan hilang tempat di bandar

- Nilai pampasan tanah berdasarkan harga pasaran
- Projek pembaharuan kediaman menerusi rundingan

Oleh ZULKIFLI MANZOR

PETALING JAYA – Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sekali lagi menegaskan bahawa Rang Undang-Undang (RUU) Pembaharuan Semula Bandar (PSB) tidak akan menyebabkan orang Melayu dan bumiputera hilang tempat di bandar.

Setiausaha Akhbar Kanan kepada Perdana Menteri, Tunku Nashrul Abaidah berkata, Perdana Menteri menegaskan nilai pampasan hartanah yang akan diberikan adalah berdasarkan kepada nilai pasaran masa hadapan sekali gus membantu pemilik asal memiliki semula rumah yang telah diperbaharui.

Menurutnya, Anwar memaklumkan antara prinsip utama RUU PSB adalah projek pembaharuan kediaman mesti dijalankan menerusi perundingan dengan pemilik untuk mendapatkan persetujuan menyertai projek.

"Selepas persetujuan, pemilik akan menerima semula hartanah berkenaan yang telah diperbaharui, pampasan, manfaat sara hidup serta beberapa manfaat lain semasa peringkat pembinaan dan selepas pembinaan diselesaikan.

"Perdana Menteri menegaskan RUU PSB ini akan memastikan rumah yang telah diperbaharui diberikan kepada pemilik



ANWAR menegaskan nilai pampasan hartanah yang akan diberikan berdasarkan kepada nilai pasaran masa depan bagi membantu pemilik asal memiliki semula rumah yang telah diperbaharui. - GAMBAR FAIL

asal supaya mereka dapat kembali menghuni di atas tapak asal yang telah dibangunkan," katanya pada sidang akhbar harian Pejabat Perdana Menteri (PMO) semalam.

Tunku Nashrul berkata, Perdana Menteri menjelaskan, bahawa RUU PSB berbeza berbanding situasi semasa apabila pampasan diputuskan oleh perunding atau mahkamah berdasarkan nilai semasa.

Menurutnya, situasi semasa

tersebut yang menyebabkan pemilik tidak mampu memiliki rumah baharu kerana harganya jauh lebih tinggi daripada pampasan.

Katanya, RUU PSB juga akan memastikan pelbagai bentuk pampasan atau manfaat diberi kepada pemilik antaranya bayaran sewaan kediaman transit, bayaran ex-gratia renovasi hartanah sedia ada dan bayaran lain bagi membantu sara hidup sepanjang tempoh pembinaan.

Justeru, kata Tunku Nashrul, Anwar menegaskan tidak benar persepsi mengatakan undang-undang PSB akan menyebabkan orang Melayu dan bumiputera hilang tempat di bandar.

Kata beliau, RUU PSB sebaliknya digubal untuk melindungi hak pemilik dengan memastikan pampasan yang adil dan jauh lebih tinggi berbanding sekarang untuk melindungi hak dan mengangkat martabat rakyat terutama orang Melayu di bandar.

KOSMO
20 MAR 2025

Tarikh:

Malaysia rugi RM933.4 juta akibat banjir tahun lalu

KOSMO 20/3

PETALING JAYA – Negara mencatatkan anggaran keseluruhan kerugian akibat banjir pada tahun lalu bernilai RM933.4 juta berbanding RM755.4 juta pada 2023 dengan Kelantan, Kedah dan Terengganu paling terjejas.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, jumlah tersebut bersamaan 0.05 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) nominal berbanding 2023 sebanyak 0.04 peratus.

Mohd. Uzir berkata, kerugian terbesar dicatatkan bagi tempat kediaman, melonjak kepada RM372.2 juta (2023: RM168.3 juta), diikuti aset awam dan infrastruktur sebanyak RM303.4 juta (2023: RM380.7 juta).

Ujarnya, kerugian dalam sektor pertanian turut meningkat kepada RM185.2 juta (2023: RM120.6 juta), manakala premis perniagaan mencatatkan kerugian sebanyak RM54.1 juta (2023: RM53.2 juta).

"Sementara itu, kerosakan kenderaan berjumlah RM17.3 juta (2023: RM22.3 juta), manakala sektor pembuatan mencatatkan kerugian paling kecil iaitu RM1.2 juta (2023: RM10.3 juta)," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam pada itu, Mohd. Uzir berkata, dari segi tempat kediaman, Kelantan mencatatkan kerugian terbesar sebanyak RM139.0 juta, diikuti Terengganu dengan RM103.1 juta dan Kedah



GAMBAR bertarikh 4 Disember 2024 menunjukkan harta benda penduduk yang musnah dilanda banjir di Kampung Jubakar Pantai, Tumpat.

RM54.0 juta.

Katanya, di Kelantan, daerah paling terjejas ialah Pasir Mas dengan kerugian berjumlah RM46.2 juta, diikuti Tumpat (RM31.7 juta) dan Kota Bharu (RM19.2 juta).

"Sementara itu, di Terengganu, Besut merekodkan kerugian tertinggi bagi tempat kediaman berjumlah RM38.4 juta, diikuti Setiu (RM16.1 juta) dan Kemaman (RM14.2 juta).

"Di Kedah, Kota Setar dan Kubang Pasu mencatatkan kerugian tertinggi masing-masing RM22 juta dan RM9.4 juta, diikuti Baling dengan RM6.9 juta," ujarnya.

Menurut beliau, Kelantan

menanggung kerugian premis perniagaan terbesar berjumlah RM27.1 juta, diikuti Terengganu sebanyak RM16.4 juta dan Kedah sebanyak RM4.3 juta.

"Di Kelantan, Pasir Mas dan Kota Bharu mengalami impak kewangan yang paling ketara, masing-masing dengan kerugian RM9.8 juta, manakala Tumpat mencatatkan kerugian RM5 juta.

"Diikuti di Terengganu, Besut merekodkan kerugian tertinggi sebanyak RM6.4 juta, diikuti Setiu (RM2.9 juta) dan Dungun (RM1.9 juta).

"Selain itu, di Kedah, Kota Setar merekodkan kerugian tertinggi sebanyak RM2.8 juta, diikuti Baling dan Pokok Sena yang

masing-masing sebanyak RM0.8 juta dan RM0.4 juta," kata beliau.

Mengulas lanjut, Mohd. Uzir berkata, Terengganu mencatatkan kerugian kerosakan kenderaan tertinggi berjumlah RM5.8 juta diikuti dengan Kelantan sebanyak RM4 juta dan Kedah RM2.1 juta.

Ujar beliau, di Terengganu, daerah yang paling terjejas ialah Besut (RM1.4 juta), diikuti dengan Kemaman (RM1 juta) dan Dungun (RM0.8 juta).

"Bagi Kelantan, Tumpat merekodkan kerugian kenderaan tertinggi berjumlah RM1.8 juta, di-

ikuti Pasir Mas (RM1 juta) dan Kota Bharu (RM0.5 juta).

Sementara itu, di Kedah, penduduk di Kota Setar mengalami kerugian tertinggi sebanyak RM0.9 juta, diikuti Pokok Sena (RM0.5 juta) dan Baling (RM0.3 juta)," katanya.

Bagi sektor pembuatan, katanya, Kelantan mencatatkan kerugian sebanyak RM1.1 juta, dengan Pasir Mas mengalami impak tertinggi berjumlah RM1 juta.

"Pasir Puteh dan Tumpat merekodkan kerugian lebih rendah, masing-masing di bawah RM100,000," tambahnya.

AWAS SCAM



RM140,000 melayang ditipu 'polis'

Kosmo
20/3

TANGKAK – Seorang ejen produk kecantikan 'terduduk' selepas RM140,000 miliknya lesap diperdaya scammer menyamar sebagai anggota polis yang mendakwa terlibat dalam kes penipuan pelaburan saham.

Menurut Ketua Polis Daerah Tangkak, Superintendan Roslan Mohd Talib, pihak polis menerima laporan kejadian tersebut dari wanita warga tempatan berusia 49 tahun semalam.

"Mangsa dihubungi suspek melalui telefon yang menyamar sebagai anggota polis beberapa hari lalu dan memberitahu wanita berkenaan terlibat dalam kes penipuan pelaburan saham.

"Suspek mengugut mangsa dengan memberitahu akaun bank miliknya akan dibekukan bagi tujuan siasatan.

"Mangsa yang mempercayainya kemudian melakukan enam transaksi ke dalam empat akaun yang berbeza disyaki *mule account* seperti mana diarahkan suspek," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Roslan berkata, menyedari dirinya sudah terjatut dengan sindiket penipuan itu tampil membuat laporan polis dan mengalami kerugian RM140,000.

Kes disiasat bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan, jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 10 tahun dan boleh disebat serta didenda.

KOSMO

20 MAR 2025

Tarikh:

Caruman KWSP pekerja asing beri manfaat ekonomi negara

BH
2013

Kuala Lumpur: Caruman wajib Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk pekerja asing akan memberi manfaat kepada ekonomi Malaysia dalam jangka panjang berikutan majikan akan lebih cenderung untuk menggaji lebih ramai bakat tempatan apabila kos meningkat.

Walaupun kos operasi akan menjadi lebih tinggi, ia memberikan manfaat untuk memupuk amalan perniagaan mampan dalam kalangan industri tempatan.

Presiden Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Datuk Syed Hussain Syed Husman, berkata industri seperti pembuatan, pembinaan dan perladangan yang banyak bergantung kepada pekerja asing dijangka meneroka alternatif seperti automasi dan memberikan lebih banyak tumpuan kepada

bakat tempatan.

"Kos tambahan ini akan memberi kesan kepada daya saing dan sebahagian perniagaan akan melepaskan kos ini kepada pengguna. Jika tidak, mereka akan menghadapi margin keuntungan yang lebih terhad dalam keadaan margin yang sedia kecil," katanya kepada **BERNAMA** menerusi temu bual, semalam.

Sehubungan itu, beliau menegaskan pelaksanaan kadar caruman KWSP oleh kerajaan adalah peluang untuk majikan menggaji lebih banyak bakat tempatan memandangkan kos membayar gaji pekerja asing yang semakin meningkat.

Sektor swasta menyambut baik kadar caruman KWSP sebanyak dua peratus oleh majikan dan pekerja asing bermula Mac tahun ini memandangkan ia antara lain akan menambah baik pengekalan pekerja dan

meningkatkan kesetiaan.

Syed Hussain berkata, majikan perlu mengemas kini sistem senarai gaji dan memastikan pematuhan terhadap peraturan KWSP yang mungkin menambah situasi yang kompleks dalam pentadbiran terutama bagi syarikat yang menggaji sejumlah besar pekerja asing.

Beliau berkata, isu pekerja tempatan yang enggan berkhidmat dalam pekerjaan tertentu perlu diselesaikan segera bagi menangani kekurangan tenaga buruh.

Beliau mencadangkan agar majikan menambah baik dan menyediakan program latihan untuk pekerja tempatan dalam industri yang banyak bergantung kepada buruh asing dan dalam proses meningkatkan kebolehpasaran mereka.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif FGV Holdings Bhd



(FGV) Fakhrunniam Othman berkata sumbangan dua peratus adalah tanggungjawab majikan untuk meningkatkan kesejahteraan tenaga kerja di samping memastikan layanan yang adil dan beretika kepada semua pekerja sama ada pekerja tempatan mahupun migran.

Beliau berkata walaupun langkah ini akan meningkatkan kos operasi, FGV yang menggaji sejumlah besar pekerja asing te-

rutamanya dalam sektor perladangan komited untuk mematuhi peraturan kerajaan dan akan mengambil langkah proaktif untuk memastikan peralihan yang lancar.

"Kami melihatnya sebagai antara komitmen meluas untuk memupuk amalan perniagaan yang mampan, memperkukuh dedikasi kami terhadap daya tahan industri jangka panjang," katanya.

15 pesara terpedaya skim SILEGX

BH 20/3

Sindiket aktif perangkap mangsa melalui Facebook, TikTok babit kerugian RM41.5j

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia (PDRM) membuka 46 kertas siasatan berkait skim penipuan pelaburan SILEGX yang setakat ini membabitkan kerugian mencecah RM41.5 juta di seluruh negara.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf, berkata siasatan mendapati sindiket ini aktif mempromosi skim pelaburan mata wang kripto serta saham melalui TikTok dan Facebook.

"Daripada keseluruhan 46 mangsa yang tampil membuat aduan kepada polis, golongan pesara paling ramai setakat ini

dengan 15 orang.

"Turut menjadi mangsa 12 ahli perniagaan, tiga guru, dua jurutera dan masing-masing seorang membabitkan pegawai bank, akauntan, doktor, suri rumah dan 10 pekerja swasta pelbagai bidang," katanya di sini, semalam.

Terpedaya iklan di Facebook

Ramli berkata, antara mangsa terbaru diperdaya sindiket ialah tiga pesara termasuk dua wanita dengan kerugian keseluruhan mencecah RM9.38 juta.

"Seorang mangsa iaitu lelaki berusia 71 tahun memaklumkan melihat iklan pelaburan kripto melalui Facebook. Pengadu tertarik dengan iklan itu dan menghubungi nombor WhatsApp dipaparkan.

"Seterusnya, pengadu dimasukkan ke kumpulan WhatsApp dan diterangkan berkenaan pelaburan saham dan pelaburan mata wang kripto platform silegx.com.

"Pengadu kemudian mendaftar akaun di platform itu dan membuat 42 kali transaksi pindahan wang ke lapan akaun bank atas nama syarikat ber-

beza dengan keseluruhan pindahan RM5 juta," katanya.

Ramli berkata, pada awal Mac lalu, pengadu dimaklumkan kononnya SILEGX mempunyai masalah dan pelabur dikehendaki mengeluarkan wang daripada akaun atau berdepan risiko ia dibekukan.

"Ketika itu, pengadu mendapati pelaburannya menjana keuntungan sehingga AS\$205,463,456 (RM1 bilion), walaupun angka itu hanyalah paparan secara dalam talian dan tidak dapat dipastikan kesahihan.

"Namun apabila hendak mengeluarkan wang keuntungan, pengadu diarah membuat bayaran yuran proses AS\$230,000 (RM1.01 juta). Pengadu mula curiga dan membuat laporan polis," katanya.

Ramli berkata, siasatan lanjut mendapati sejumlah 39 akaun bank dikesan digunakan skim pelaburan ini untuk menerima wang dari mangsa, dengan 37 akaun bank didaftarkan atas nama syarikat dan dua lagi atas nama perniagaan.

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.



Ramli menunjukkan peralatan elektronik yang dirampas pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Hazreen Mohamad/BH)

Lahirkan tenaga kerja tempatan lebih mampan ^{BH 2013} ganti pekerja asing

Malaysia bukan lagi destinasi utama pekerja Indonesia atau dalam lain perkataan, negara ini tidak lagi dianggap 'surga' kepada warga seberang untuk mencari rezeki hingga ada yang sanggup masuk secara haram, sekali gus bergelar pendatang tanpa izin (PATI). Itulah hakikat yang tidak boleh dinafikan apabila angka tenaga kerja Indonesia (TKI) berdaftar menyusut lebih separuh dalam tempoh beberapa tahun seperti diakui Duta Besarinya, Datuk Hermono dalam wawancara eksklusif BH, kelmarin.

Penguatkuasaan ketat dan sekatan pengambilan pekerja asing menjadi antara faktor utama hingga selepas pandemik, bilangan warga Indonesia tinggal di negara ini dianggarkan 1.5 juta, termasuk 585,000 pekerja berdaftar. Jumlah itu jauh lebih kecil berbanding statistik sebelum COVID-19, iaitu 1.13 juta rakyat Indonesia dengan dokumen lengkap dan 1.5 juta PATI. Secara tidak langsung, ini bermakna dasar ketat kemasukan pekerja asing dan penguatkuasaan terhadap PATI berada di landasan betul.

Bagaimanapun, ia menimbulkan persoalan apakah rakyat kita terutama generasi muda benar-benar bersedia mengisi kekosongan ini selepas sekian lama bergantung kepada buruh luar untuk memenuhi pekerjaan 3D (kotor, bahaya dan sukar), termasuk perladangan, pertanian, pembinaan dan perkilangan.

Realitinya, generasi muda enggan menyertai sektor ini kerana stigma terhadap pekerjaan 3D masih tebal dalam pemikiran masyarakat. Tawaran gaji rendah, keadaan kerja bukan sahaja tidak menarik, bahkan menuntut kudrat manusia yang tinggi menyebabkan ramai mencari rezeki di sektor lain, termasuk terbabit dalam ekonomi gig. Jika tidak ditangani segera, kita berisiko mengalami kekurangan tenaga kerja yang boleh menjejaskan kelangsungan sektor kritikal ini.

Penyelesaian kepada isu ini bukan sekadar menutup pintu kepada pekerja asing atau beralih ke pekerja asing dari negara lain seperti Bangladesh dan Nepal, sebaliknya bagaimana mencari jalan untuk memastikan pekerjaan 3D lebih menarik bagi warga tempatan. Kita yakin teknologi moden terutama Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) memberikan peluang kepada negara untuk merombak sektor ini supaya lebih mampan.

Dalam sektor perladangan misalnya, penggunaan dron untuk penyemburan racun dan pemantauan tanaman boleh mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh kasar. Industri pembinaan pula boleh menerapkan teknologi automasi dan robotik bagi menggantikan kerja berat. Dalam hal ini, generasi muda boleh mengisi peluang pekerjaan dalam sektor 3D lebih berdaya saing dan selari dengan aspirasi tenaga kerja tempatan yang mahukan pekerjaan lebih bermaruah serta berskala gaji lebih tinggi.

Hakikatnya realiti yang berlaku dalam tenaga kerja asing di negara ini, memberi peluang kepada kita untuk memperbetulkan kembali pembangunan negara dengan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Langkah ini bukan sahaja memastikan daya tahan ekonomi, malah membantu dalam mengurangkan kebocoran wang negara akibat aliran keluar gaji pekerja asing. Dengan inovasi, gaji kompetitif serta perubahan minda terhadap pekerjaan 3D, Malaysia boleh membina tenaga kerja tempatan lebih mampan, terutama dalam kalangan generasi muda.

Henti normalisasi 'letak sekejap' di petak OKU

8H 20/3

Munirah
Ilias,
Universiti
Selangor

Petak khas meletakkan kenderaan orang kurang upaya (OKU) disediakan bagi memudahkan pergerakan golongan ini, namun terdapat segelintir individu tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan dengan alasan 'sekadar sekejap sahaja'.

Sikap ini bukan sahaja mencerminkan kurangnya kesedaran sivik, tetapi menzalimi OKU yang benar-benar memerlukan kemudahan berkenaan.

Kajian dijalankan sekumpulan pelajar Jabatan Komunikasi, Universiti Selangor (UNISEL) mendapati, penyalahgunaan petak meletak kenderaan OKU masih berleluasa.

Kajian ke atas 176 responden menunjukkan, 62 peratus daripada mereka pernah melihat petak khas itu digunakan individu tidak layak, manakala 38 peratus mengakui pernah menggunakan petak berkenaan tanpa kebenaran.

Alasan utama diberikan termasuk kekurangan tempat letak kereta biasa (45 peratus), tergesa-gesa untuk akses lebih dekat (30 peratus) dan beranggapan tindakan mereka tidak salah selagi tiada pengguna OKU di lokasi berkenaan (25 peratus).

Tindakan ini mencerminkan sikap mementingkan diri sendiri yang perlu dibendung. Ini bukan sekadar isu kurang empati, tetapi mencerminkan kegagalan masyarakat memahami keperluan sebenar golongan OKU.

Bagi menangani isu ini, tindakan lebih tegas perlu diambil bagi memastikan petak khas ini digunakan golongan OKU.

Antara cadangan penyelesaian termasuk:

- Kempen kesedaran melalui media massa dan sosial

Pendedahan melalui video, poster dan kempen dalam talian boleh meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan petak letak kenderaan OKU.

- Penguatkuasaan kompaun lebih tinggi
Denda sedia ada mungkin tidak cukup berkesan, mungkin hukuman lebih berat patut dikenakan sebagai langkah pencegahan.

- Papan tanda lebih jelas
Mesej lebih besar dan jelas perlu dipasang bagi mengingatkan pemandu normal tidak sewenang-wenangnya menggunakan petak khas untuk OKU.

- Sekatan akses dengan palang automatik

Penggunaan sistem automatik yang hanya boleh diakses pemegang kad OKU boleh mengurangkan penyalahgunaan parkir ini.

Penyalahgunaan petak OKU bukan sahaja mencerminkan sikap tidak peduli, tetapi satu bentuk penindasan terhadap hak mereka yang memerlukan.

Kesedaran dan empati harus dijadikan keutamaan dalam membentuk sebuah masyarakat bertamadun dan bertanggungjawab.



Perpustakaan perlu sedia ruang, aktiviti tingkat kesihatan mental

BH 20/3

Mohd Badrul Hisham Basro,
Penolong
Pustakawan,
Perpustakaan
Sultan Abdul
Samad, Universiti
Putra Malaysia
(UPM)

Dalam dunia penuh cabaran dan tekanan, isu kesihatan mental perlu diberi perhatian serius. Kesihatan mental yang baik bukan sahaja mempengaruhi kesejahteraan, bahkan menyumbang kepada produktiviti, hubungan sosial sihat serta kualiti hidup lebih baik.

Dalam hal ini, perpustakaan bukan sekadar pusat ilmu dan rujukan, malah berperanan sebagai ruang sokongan bagi individu yang memerlukan ketenangan, refleksi diri serta keseimbangan emosi.

Persekitaran perpustakaan yang sunyi, teratur dan nyaman menawarkan tempat sesuai untuk individu yang ingin mengurangkan tekanan, terutama pelajar, pekerja dan sesiapa sahaja yang berdepan cabaran kehidupan.

Ruang disediakan membolehkan mereka mencari ketenangan, berehat sejenak daripada kesibukan serta terlibat dalam aktiviti yang dapat mengurangkan tekanan.

Kajian menunjukkan suasana tenang dan tersusun mampu memberikan kesan positif terhadap kesihatan mental, mengurangkan kegelisahan serta meningkatkan daya tumpuan dan kreativiti.

Antara konsep yang semakin mendapat perhatian dalam perpustakaan ialah biblioterapi, iaitu penggunaan bahan bacaan sebagai alat terapi bagi

membantu dalam memahami dan menguruskan emosi dengan lebih baik.

Perpustakaan menyediakan pelbagai bahan bacaan khas berkaitan kesihatan mental merangkumi topik pengurusan stres, kecerdasan emosi, strategi mengatasi kebimbangan serta pengalaman individu berjaya mengharungi cabaran mental.

Kisah mencerminkan pengalaman peribadi individu lain juga memberi perspektif baharu dan sokongan emosi kepada pembaca, selain membina empati serta pemahaman lebih mendalam mengenai isu kesihatan mental.

Pusat penganjuran pelbagai program

Perpustakaan turut berperanan sebagai pusat penganjuran pelbagai program sokongan mental yang memberi manfaat kepada masyarakat. Antaranya, sesi bercerita dan perkongsian pengalaman yang berfungsi sebagai ruang selamat untuk individu meluahkan perasaan dalam persekitaran menyokong.

Aktiviti ini bukan sahaja menggalakkan komunikasi terbuka mengenai kesihatan mental, bahkan mengurangkan stigma terhadap isu ini dalam kalangan masyarakat.

Perpustakaan juga boleh menganjurkan bengkel pengurusan stres dikendalikan pakar psikologi

dan kaunseling. Ia boleh membabitkan teknik relaksasi seperti pernafasan dalam, latihan kesedaran minda dan teknik kognitif untuk mengatasi tekanan.

Kelab membaca turut menjadi platform penting bagi menggalakkan perbincangan sihat mengenai buku inspirasi menyentuh isu kesihatan mental dan kesejahteraan diri. Melalui sesi ini, peserta dapat berkongsi pandangan, mendapatkan inspirasi daripada kisah dibaca serta membentuk rangkaian sokongan sosial lebih kukuh.

Perpustakaan juga menyediakan akses kepada pelbagai sumber digital bagi menyokong kesejahteraan mental masyarakat. Sumber ini merangkumi e-buku berkaitan kesihatan mental, rancangan audio digital atau siri motivasi dalam talian serta platform interaktif yang membolehkan individu mendapatkan maklumat dan bimbingan mengenai kesihatan mental tanpa perlu hadir.

